

MB Perak membuat lagi periksaan mengejut

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

IPOH, Khamis Menteri Besar Perak, Datuk Seri Haji Wan Mohamed bin Haji Wan Teh pagi ini sekali lagi membuat pemeriksaan mengejut untuk memastikan pegawai dan kakitangan kerajaan sentiasa didikasi dalam menjalankan tugas mereka.

Bellau berada di bangunan baru Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) yang dikenali sebagai "Wisma Wan Mohamed" kira-kira dua jam.

Menteri Besar memandu kereta sendiri dan berada di situ sejak pukul 7.30 pagi. Dalam pemeriksaan itu bellau ditemani oleh Pengurus Besar PKNP, Encik Mohd Hamdan bin Hazizi.

Bellau menengaskan bahawa tindakan tegas akan diambil jika terdapat pegawai atau kakitangan kerajaan yang bersikap sambil lewa ketika di pejabat.

Katanya lawatan mengejut itu bukanlah hasrat bellau untuk mencari kesalahan seseorang atau semata-mata untuk bermegah-megah.

Menurutnya, apa yang penting ialah tugas dan kita hendaklah memahami tanggungjawab masing-masing seperti mana yang dikehendaki oleh kerajaan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Timbalannya Datuk Musa Hitam.

Datuk Seri Haji Wan Mohamed bagaimanapun puas hati dengan kedatangan seluruh pegawai dan kakitangan PKNP pagi ini.

"Mereka datang tepat pada waktunya dan saya begitu gembira sekali," kata bellau.

Pemeriksaan seumpama itu akan diteruskan di jabatan-jabatan lain.

Datuk Seri Haji Wan Mohamed yang juga Pengerusi PKNP berkata lawatan bellau pagi ini juga untuk meninjau bangunan baru perbadanan tersebut berharga \$8.5 juta yang kini hampir siap keseluruhannya.

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia